

## ADJEKTIF BAHASA ARAB DAN MELAYU SATU ANALISIS KONTRASTIF

**Muhammad Hafizuddin Hussin**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
hafizhussin46@gmail.com

**Maimun Aqsha Lubis**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
draqsha@gmail.com

**Abstract:** *Previous studies have shown that mastery of Malay students of Arabic Language is at a low and unsatisfactory level. Malay Students will not be able to get away from doing mistakes, especially during translation and understanding Arabic adjectives that have many differences and similarities. For example during translation, students will be confused about whether a word is an adjective or a noun. This is the factor that makes the researcher interested in doing the contrasting analysis. This study aims to identify the characteristics of Malay and Arabic adjectives, and to analyze their similarities and differences. The systematic analysis was then performed. The findings revealed that there are many similarities and differences that need to be known by educators of both languages so that they are able to understand the problems and confusion faced by the students, especially those related to adjectives Malay and Arabic such as the sentence's structure whereas adjectives should be. For example adjective in Malay can be predicate directly such as 'Kucing itu comel' but in Arabic there must be another word as predicate and adjective should be added later such as 'القط حيوان جميل'. It is also proven that the word 'yang' which means 'that' undeniably plays an important role in translating Malay-Arabic adjectives and avoiding confusion in translation for exmple 'Itu seekor kucing yang comel, ذلك قط جميل' so that it it will not be misunderstood as 'Kucing itu comel, ذلك القط جميل'.*

**Keywords:** *adjectives, phrase, Malay-Arab*

### **Pengenalan**

Harding & Riley (1986) menyatakan bahawa lebih daripada setengah penduduk dunia menggunakan bahasa asing dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini membuktikan majoriti orang menggunakan dua bahasa atau lebih sebagai medium pertuturan mereka. Begitu juga dengan bahasa Arab yang merupakan antara salah

satu bahasa paling luas digunakan di dunia. Namun begitu tidak kurang juga bahasa Melayu yang menduduki tangga ketujuh jumlah penuturnya yang ramai.

Kajian analisis kontrastif pula merupakan kajian bertujuan menganalisis persamaan dan perbezaan antara dua bahasa. Melalui kajian sebegini, kesalahan dapat dikenalpasti sekaligus mampu mengatasi permasalahan pembelajaran bahasa asing. Dalam kajian ini penyelidik membuat perbandingan antara bahasa ibunda penyelidik iaitu bahasa Melayu dan bahasa yang diajar oleh penyelidik iaitu bahasa Arab yang berlainan rumpun.

Mustafa Al-Ghalayini (1994) menyatakan bahasa Arab mempunyai keunikannya yang tersendiri dan ianya boleh dikatakan mudah sekiranya diajar dan difahami dengan cara yang betul. Faktor-faktor yang menjadikan bahasa Arab itu susah pada tanggapan pelajar haruslah dihilangkan dan difahami oleh pendidik.

Pelajar-pelajar sering melakukan kesalahan semasa membina ayat bahasa Arab. Pelajar gagal menggunakan gaya bahasa Arab yang betul. Ab. Halim (2005) melakukan kajian terhadap pelajar bahasa Arab di UPM dan mendapati kebanyakan daripada mereka gagal memahami struktur ayat dengan baik, Al Naat ataupun adjektif juga merupakan salah satu tajuk yang dikenalpasti susah difahami berdasarkan analisis hasil penterjemahan terhadap pelajar beliau itu. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji merasa terpenggil untuk melakukan analisis kontrastif terhadap frasa adjektif bahasa Arab dan Melayu yang merupakan salah satu faktor pembinaan ayat para pelajar kurang bermutu dan tidak mempunyai gaya bahasa Arab. Pengkaji akan melihat apakah perbezaan dan persamaan yang ada pada kedua-dua bahasa kita ini apakah yang menjadi kekeliruan para pelajar.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan adjektif dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab sekaligus memberi cadangan bagi mengatasi permasalahan berkaitan dengannya.

### **Objektif Kajian**

- I. Menenalpasti persamaan dan perbezaan adjektif bahasa Arab dengan bahasa Melayu.

- II. Mengenalpasti kesalahan pelajar terhadap adjektif semasa penterjemahan bahasa Arab-bahasa Melayu
- III. Memberi solusi bagi mengatasi permasalahan berkaitan frasa adjektif semasa penterjemahan dalam kalangan pelajar bahasa Arab.

### **Kajian Lepas Berkaitan**

Pengkaji telah melihat kepada beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan perbandingan adjektif bahasa Melayu dengan bahasa Arab bagi memberi idea kepada pengkaji terhadap apa yang pernah dikaji dan apa yang perlu dikaji supaya kajian ini memberi banyak manfaat kepada semua pihak.

Pengkaji mendapati tidak terlalu banyak kajian dilakukan bagi melihat perbandingan sebegini. Namun ada satu kajian yang dilakukan oleh Siti Aisyah Ashaari (2004) beliau bersetuju bahawa pelajar melayu banyak menghadapi kesulitan membina ayat bahasa Arab yang mempunyai adjektif terutamanya apabila berkaitan dengan jantina bilangan, ikrab dan penggunaan kata nama am dan kata nama khas. Menurut beliau juga permasalahan sebegini berlaku kerana pelajar kurang terdedah dengan struktur gaya bahasa Arab yang betul.

Melihat kepada kajian analisis kontrastif oleh Abdullah et al. (2018), terdapat kata adjektif bahasa melayu yang boleh berubah kepada kata kerja dan sebagainya. Contohnya perkataan 'lemah' yang apabila ditambah imbuhan 'me' akan bertukar kelasnya kepada kata kerja. Menurut beliau perkara sebegini sememangnya akan menimbulkan kekeliruan kepada para pelajar sekiranya tidak diatasi dan difahami dengan teliti.

### **Adjektif Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab**

#### **Bahasa Melayu**

Kata adjektif dikenali juga sebagai kata sifat iaitu perkataan yang menjadi elemen penting dalam pembinaan ayat dan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada satu adjektif sahaja atau beberapa perkataan yang mengandungi adjektif dan elemen-elemen keterangan lain seperti kata bantu dan kata penguat.

Kata adjektif boleh dikenal pasti dan dibezakan daripada kata kerja dengan cirinya yang boleh didahului oleh atau diikuti oleh kata penguat. Contohnya: amat sakit, sakit sungguh, terlalu banyak, banyak sekali, sangat lain, lain sekali. Dalam

ayat, kata adjektif berfungsi menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama.

### Bahasa Arab

Kata sifat ataupun النعت merujuk kepada salah satu cabang daripada empat التوابع iaitu البدل, العطف, التوكيد dan النعت. التوابع pula bermaksud ikutan, di mana dua komponen penting dalam empat perkara tersebut sama dalam beberapa aspek;

- I. Aspek bilangan iaitu *mufrod*, *musanna* dan *jamak*.
- II. Aspek jantina iaitu *muzakkar* dan *muannas*.
- III. Aspek ikrob dan baris iaitu *marfu'*, *majrur* dan *mansub*.
- IV. Aspek am atau khas suatu perkataan iaitu *nakirah* dan *makrifah*.

Contoh setiap aspek adalah seperti berikut:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Bilangan
Ini seorang pelajar yang bijak.	هَذَا طَالِبٌ ذَكِيٌّ.	1 orang
Ini dua orang pelajar yang bijak.	هَذَانِ طَالِبَانِ ذَكِيَّانِ.	2 orang
Ini pelajar-pelajar yang bijak.	هَؤُلَاءِ طُلَّابٌ أَدْكِيَاءُ.	Ramai orang

Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Jantina
Ini seorang pelajar lelaki yang bijak.	هَذَا طَالِبٌ ذَكِيٌّ.	Lelaki
Ini seorang pelajar perempuan yang bijak.	هَذِهِ طَالِبَةٌ ذَكِيَّةٌ.	Perempuan

Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Baris
Ini seorang pelajar lelaki yang bijak.	هَذَا طَالِبٌ ذَكِيٌّ.	Dhammah
Saya lalu di tepi pelajar lelaki yang bijak itu.	مَرَرْتُ بِالطَّالِبِ الذَّكِيِّ.	Majrur

Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Am/Khas
Ini seorang pelajar lelaki yang bijak.	هَذَا طَالِبٌ ذَكِيٌّ.	Kata Nama Am
Pelajar lelaki yang bijak itu berada di dalam kelas.	الطَّالِبُ الذَّكِيُّ فِي الْفَصْلِ.	Kata Nama Khas

Naat ini terbahagi kepada dua jenis dan mempunyai dua komponen utama. Jenis yang pertama ialah naat hakiki dan kedua ialah naat sababi. Naat Hakiki bermaksud naat yang biasa dan seringkali digunakan iaitu; naat yang ada selepasnya itu dhomir mustatir yang kembali maksudnya kepada perkataan yang disifatkan iaitu man'ut. Manakala naat sababi pula naat yang ada selepasnya itu dhomir zhohir yang kembali kepada perkataan yang disifatkan iaitu man'ut. Contohnya adalah seperti berikut:

النعْتُ الْحَقِيقِيُّ	النعْتُ السَّبَبِيُّ
هَذَا طَالِبٌ ذَكِيٌّ.	هَذَا طَالِبٌ ذَكِيٌّ أَبُوهُ.
Ini seorang pelajar yang bijak.	Ini seorang pelajar yang bijak ayahnya.

Komponen utama dalam tajuk naat ini apabila dipelajari adalah **النعْت** dan **المنعوت**, di mana **النعْت** bermaksud sifat dan **المنعوت** bermaksud sesuatu yang disifatkan. Ianya merupakan satu cabang sintaksis yang sangat penting bagi memahami bahasa Arab dengan menyeluruh. Contohnya:

Bahasa Arab
<p>جَلَسَ الْوَلَدُ الصَّغِيرُ عَلَى الْكُرْسِيِّ.</p> <p>رَأَيْتُ الْوَلَدَ الصَّغِيرَ فِي الْمَطْعَمِ.</p> <p>مَرَرْتُ بِالْوَلَدِ الصَّغِيرِ.</p>

Berdasarkan penelitian di atas kita boleh melihat bahawa struktur ayat akan berubah sekiranya konteks ayat berubah. Inilah yang menjadi permasalahan bagi para pelajar apabila perubahan pembentukan seringkali berlaku.

### Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Penulis membuat analisis bagi setiap isi yang diperolehi daripada jurnal, artikel, buku, prosiding dan kajian ilmiah yang sesuai. Hasil- hasil pembacaan itu kemudiannya dijadikan sumber sokongan bagi perbincangan penulis terhadap kajian ini. Pengkaji juga menganalisis petikan terjemahan Melayu-Arab pelajar bagi bagi mengenalpasti bentuk kesalahan yang sering dilakukan.

### Dapatan Kajian

#### Persamaan Pembentukan Adjektif Bahasa Melayu Dan Arab

##### Susunan

Susunan frasa adjektif dalam ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab adalah sama sahaja iaitu kata adjektif berada di belakang manakalah perkataan yang disifatkan berada di hadapan. Berdasarkan contoh di bawah, perkataan bergaris satu ialah perkataan yang disifatkan manakala perkataan yang bergaris dua adalah sifat.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu kereta yang <u>besar</u> .	تِلْكَ سَيَّارَةٌ كَبِيرَةٌ.
Kereta yang besar itu milik Muhammad.	السَّيَّارَةُ الْكَبِيرَةُ لِمُحَمَّدٍ.
Muhammad seorang budak yang baik.	مُحَمَّدٌ وُلِدَ حَسَنًا.

### Penguat Di Belakang

Bahasa Arab dan bahasa Melayu kedua-duanya mempunyai penguat selepas kata sifat iaitu perkataan *jiddan* dan *lilghayah*. Berdasarkan contoh di bawah, perkataan bergaris satu ialah sifat manakala perkataan yang bergaris dua

adalah penguat. Walaubagaimanapun pada contoh bahasa Arab, perkataan jamiil itu adalah Khobar dan tidak dikira sebagai naat sekiranya menggunakan perkataan *jiddan*. Contohnya adalah seperti berikut :

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Rumah itu <u>cantik sangat</u> .	ذَلِكَ الْبَيْتُ جَمِيلٌ جَدًّا.

Namun sekiranya perkataan *jamiil* tersebut ingin dijadikan *naat*, ianya perlu ditukar secara struktur ayat dan menggunakan perkataan *lilghayah* yang jarang digunakan oleh para pelajar. Ini kerana pelajar harus memasukkan perkataan *yang* di dalam ayat bahasa Melayu bagi menjadikan perkataan jamiil itu naat apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Arab Contohnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Rumah yang <u>cantik sangat itu di depan masjid</u> .	ذَلِكَ الْبَيْتُ الْجَمِيلُ لِلْعَايَةِ أَمَامَ الْمَسْجِدِ.

### Susunan Hadapan Dan Belakang

Adjektif bagi bahasa Melayu dan Arab boleh ditulis di hadapan perkataan yang disifatkan dan boleh juga ditulis di belakangnya. Kedua-dua perkataan yang disifatkan itu mestilah mempunyai kata ganti nama diri di belakangnya. Berdasarkan contoh di bawah, perkataan bergaris satu ialah perkataan yang disifatkan manakala perkataan yang bergaris dua adalah sifat.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Pelajar yang <u>baik akhlaknya</u> itu berada di dalam kelas.	الطَّالِبُ الْكَرِيمُ خُلِقَهُ فِي الْفَصْلِ.
Hotel yang merah warnanya itu sangat besar.	الْفُنْدُقُ الْأَحْمَرُ لَوْنُهُ كَبِيرٌ جَدًّا.
Itu seorang pelajar perempuan yang bijak akalnya.	تِلْكَ طَالِبَةٌ ذَكِيَّةٌ ذَهْنُهَا.

### Kedua-Dua Kata Nama

Kata adjektif dalam bahasa Melayu adalah tergolong dalam kategori kata nama sama dengan bahasa Arab. Kedua-dua komponen ialah kata nama.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Rumah yang <u>besar</u> ..	بَيْتٌ جَمِيلٌ..

### Komparatif Perbandingan

Kedua-dua kata komparatif wujud bagi bahasa Melayu dan Arab walaupun ia bukan dalam kategori نعت. Ia dikenali sebagai اسم التصغير. Pada terjemahan bahasa Arab di bawah, perkataan أطول berada pada kedudukan prediket ataupun خير.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Muhammad seorang lelaki yang tinggi.	مُحَمَّدٌ رَجُلٌ طَوِيلٌ.
Muhammad <u>lebih tinggi</u> berbanding Abbas.	مُحَمَّدٌ أَطْوَلُ مِنْ عَبَّاسٍ.
Muhammad merupakan <u>lelaki paling tinggi</u> di Universiti itu.	مُحَمَّدٌ أَطْوَلُ رَجُلٍ فِي الْجَامِعَةِ.

Walaupun bagaimanapun, ia akan berada dalam kategori naat dalam bahasa Arab hanya sekiranya ditambah alif lam di hadapan perkataan itu. Ia juga perlu ditambah perkataan yang pada ayat bahasa Melayu dan ditambah prediket pada akhir ayat. contohnya :

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Muhammad yang lebih tinggi berbanding Abbas itu berada di kedai.	مُحَمَّدٌ الْأَطْوَلُ مِنْ عَبَّاسٍ فِي الدُّكَّانِ.
Muhammad yang merupakan <u>lelaki paling tinggi</u> di Universiti itu sangat kacak.	مُحَمَّدٌ الْأَطْوَلُ رَجُلٍ فِي الْجَامِعَةِ وَسِيمٌ جِدًّا.



### Warna Sebagai Sifat

Dalam bahasa Melayu, warna adalah termasuk di dalam kategori adjektif, sama juga dengan bahasa Arab.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu baju yang berwarna putih.	ذَلِكَ قَمِيصٌ أَبْيَضٌ.
Kereta yang berwarna putih itu sangat besar.	السَّيَّارَةُ الْبَيْضَاءُ كَبِيرَةٌ جَدًّا.
Rumah merah itu milik Hamid.	الْبَيْتُ الْأَحْمَرُ لِحَامِدٍ.

### Boleh Diperbanyakkan

Adjektif di dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab boleh diperbanyakkan dan digandakan. Namun dalam bahasa Arab ia dikategorikan sebagai عطف sekiranya diperbanyakkan. Dalam bahasa Melayu pula kebiasannya ia diselangi oleh perkataan ‘lagi’.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Umar seorang pelajar yang <u>rajin</u> lagi <u>pandai</u> .	عُمَرُ طَالِبٌ مُجْتَهِدٌ ذَكِيٌّ.
Itu pokok yang besar lagi tinggi.	تِلْكَ شَجَرَةٌ كَبِيرَةٌ طَوِيلَةٌ.
Masjid yang besar lagi popular itu berada di Kuala Lumpur.	الْمَسْجِدُ الْكَبِيرُ الشَّهِيرُ فِي كُوَالَا لَمْبُورَ.

### Kata Terbitan

Adjektif di dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab juga boleh dibentuk menggunakan kata terbitan datau dalam bahasa Arab dikenali sebagai المشتقات.

المشتقات dalam bahasa Arab pula terdiri daripada beberapa bahagian namun

hanya beberapa yang sesuai dengan konteks ayat frasa adjektif antaranya اسم , المفعول , صفة مشبهة dan اسم الفاعل .

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Dia seorang anak perempuan yang <u>disayangi</u> .	هِيَ بِنْتُ مَحْبُوبَةٍ.
Lelaki yang alim itu seorang ustaz.	الرَّجُلُ الْعَالِمُ أَسْتَاذٌ.
Perempuan yang sakit itu berada di hospital.	الْمَرْأَةُ الْمَرِيضَةُ فِي الْمُسْتَشْفَى.

### Perbezaan Pembentukan Adjektif Bahasa Melayu Dan Arab

#### Binaan

Adjektif dalam bahasa Melayu terbahagi kepada dua binaan manakala dalam bahasa Arab hanya satu binaan.

Bahasa Melayu:

- I. Binaan satu perkataan yang terdiri daripada satu kata dasar sahaja seperti baik, jujur dan amanah. Namun ada juga yang terdiri daripada perkataan yang mempunyai imbuhan awalan dan akhiran seperti kekuningan, terkuat dan lain-lain.
- II. Binaan dua perkataan pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu binaan adjektif + adjektif seperti cantik molek dan juga adjektif + kata nama seperti hijau daun

Bahasa Arab :

Dalam bahasa Arab ianya hanya satu binaan yang khusus iaitu :

- I. النعت dan المنعوت; bermaksud sifat dan yang disifatkan. Kedua-dua komponen tersebut merupakan kata nama.

#### Penguat Belakang Dan Hadapan

Bahasa Melayu mempunyai penguat yang mana sifatnya berada di hadapan manakala dalam bahasa Arab pula sifatnya berada di belakang frasa

adjektif. Namun ia tidak juga dikategorikan dalam *naat*. Ia ialah *Khobar*. Contohnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu ialah <u>pelajar yang paling lama</u> di Universiti ini.	ذَلِكَ أَقْدَمُ طَالِبٍ فِي الْجَامِعَةِ.

Berdasarkan jadual di atas, perkataan bergaris satu merupakan kata adjektif dan yang bergaris dua merupakan perkataan yang disifatkan.

### Ya Nisbah

Bahasa Arab menggunakan *ya nisbah* sekiranya ingin menyandarkan sesuatu perkara dengan perkara yang lainnya, manakala dalam bahasa Melayu sandaran sebegitu tidak dikira sebagai kata adjektif. Contohnya :

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Saya pelajar Malaysia.	أَنَا طَالِبٌ مَالِيْزِيٌّ.
Pelajar Cina itu Namanya Ahmad.	الطَّالِبُ الصِّينِيُّ إِسْمُهُ أَحْمَدُ.
Lelaki Palestin itu sangat jujur.	الرَّجُلُ الْفِلَسْطِينِيُّ أَمِينٌ جِدًّا.

### Imbuhan Pada Sifat

Frasa adjektif dalam bahasa Melayu boleh ditulis dengan menambahkan imbuhan ‘ke’ dan ‘an’ serta mengadakan perkataan dasar supaya menjadi frasa. Contohnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu baju yang kemerah-merahan.	أَحْمَرَ الْقَمِيْصِ أَحْمَرًا.
Pisang itu kekuningan.	إِصْفَرَ الْمَوْزُ اصْفِرًّا.
Sapu tangan itu kehitaman.	إِسْوَدَّتْ الْمِنَادِيْلُ إِسْوَدَادًا.

Dalam bahasa Arab, sekiranya ingin diterjemahkan sedemikian haruslah menggunakan **المفعول المطلق** mutlak seperti dalam contoh di atas bagi memberi konteks pemahaman yang tepat.

### Penguat Bebas

Frasa adjektif bahasa Melayu juga mempunyai penguat yang boleh berada di mana-mana iaitu penguat bebas. Manakala dalam bahasa Arab pula penguatnya hanya berada di belakang sahaja. Contoh:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Lelaki itu sakit <u>sangat</u> .	ذَلِكَ الرَّجُلُ مَرِيضٌ جَدًّا.
Lelaki itu <u>sangat</u> sakit.	

### Penguat Berderetan

Kata penguat dalam bahasa Melayu juga boleh ditulis secara berderetan menggunakan perkataan penguat yang lain sebelum kata adjektif namun dalam bahasa Arab ianya adalah ditulis secara berganda. Contohnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Azab itu <u>terlalu amat</u> pedih.	العَذَابُ شَدِيدٌ جَدًّا جَدًّا.

Selain itu, adjektif dalam bahasa Arab untuk penguat bahasa Melayu boleh juga ditulis secara tunggal tetapi menggunakan **صيغ المبالغة** sebagai نعت. Contohnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Dia seorang perempuan yang sangat sabar.	هِيَ امْرَأَةٌ صَبُورٌ.

### Kata Bantu

Frasa adjektif dalam bahasa Melayu juga boleh terdiri daripada kata bantu seperti sudah dan masih. Manakala dalam bahasa Arab juga ada tetapi ianya tidak

dikira sebagai frasa adjektif. Ianya dikategorikan sebagai kata kerja + kata adjektif ataupun مفعول به فعل dan فعل.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Budak lelaki itu <u>sudah</u> besar.	الْوَلَدُ <u>يَكُونُ</u> كَبِيرًا.
Budak itu <u>masih</u> kecil.	الْوَلَدُ <u>لَا يَزَالُ</u> صَغِيرًا.

Oleh itu pada topik kata bantu ini, pelajar akan mengalami beberapa kekeliruan sekiranya diminta menterjemahkan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab sekiranya mereka tidak mempunyai asas kepada tajuk *fi'il*. Pelajar akan melihat besar dan kecil sebagai sifat dan akan cuba menterjemahkannya menggunakan konsep naat yang sudah tentu adalah salah sama sekali. Oleh yang demikian para pendidik hendaklah memainkan peranan dan mengambil perhatian terhadap perkara sebegini walaupun ianya adalah kes yang jarang ditanya oleh pelajar.

### Hukum Konsep

Terdapat beberapa perkara pada adjektif bahasa Melayu yang sangat berbeza daripada bahasa Arab. Berikut merupakan tiga perkara penting dalam bahasa Arab;

- I. Sekiranya man'utnya marfu (iaitu keadaan rafa') maka naatnya juga hendaklah berada dalam keadaan marfu'.
- II. Sekiranya man'utnya majrur (iaitu keadaan jar) maka naatnya juga hendaklah berada dalam keadaan jar.
- III. Sekiranya man'utnya mansub (iaitu keadaan nasb) maka naatnya juga hendaklah berada dalam keadaan nasb.

Dalam bahasa Melayu pula, sifat dan subjek yang disifatkan itu tidak berubah dalam mana-mana keadaan sekalipun walaupun ada kata sambung dan sebagainya. Contohnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Ini kucing yang comel.	هَذَا قِطٌّ جَمِيلٌ.
Saya nampak kucing yang comel.	رَأَيْتُ قِطًّا جَمِيلًا.
Anjing itu di tepi kucing yang comel itu.	الْكَلْبُ بِجَانِبِ الْقِطِّ الْجَمِيلِ.

### Adjektif Sebagai Penerangan

Adjektif bahasa Melayu boleh hadir selepas kata kerja sebagai keterangan, sama seperti bahasa Arab namun bahasa Arab ia tidak dikenali sebagai النَّعْتُ tetapi dikenali sebagai التَّمْيِيزُ.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Sungai itu mengalir dengan tenang	الْبَحْرُ يَجْرِي هَدِيئًا

Dalam bahasa Arab, sifat dan yang disifatkan diwajibkan sama dalam beberapa aspek seperti :

- IV. Baris - Berdasarkan jadual di bawah, baris kepada نعت adalah berbaris ضمة mengikuti man'utnya yang berbaris ضمة kerana berada pada kedudukan خبر.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu kucing yang comel.	ذَلِكَ قِطٌّ جَمِيلٌ.

- V. Jantina - Berdasarkan jadual di bawah نعت dan منعت keduanya adalah مؤنث. Ini dapat dilihat pada penggunaan تاء المربوطة pada ayat tersebut.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu pelajar perempuan yang bijak.	تِلْكَ طَالِبَةٌ ذَكِيَّةٌ.

- VI. Bilangan - Berdasarkan jadual di bawah نعت dan منعت kedua-duanya adalah ألف الشئية. Ini dapat dilihat pada penggunaan ألف الشئية pada perkataan bergaris tersebut.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu dua orang doktor yang popular.	ذَانِكَ طَبِيبَانِ شَهِيرَانِ.

- VII. Kata Nama Am atau Khas - Berdasarkan jadual kata nama am di bawah نعت dan منعت kedua-duanya menggunakan tanwin tanpa alif lam. Ini kerana منعت merupakan خبر yang berada dalam kedudukan kata nama am. Manakala pada jadual kata nama khas, نعت dan منعت kedua-duanya menggunakan alif lam. Ini kerana منعت merupakan مبتدأ yang berada dalam kedudukan kata nama khas.

Kata Nama Am	
Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Itu seekor burung yang kecil.	ذَلِكَ طَائِرٌ صَغِيرٌ.

Kata Nama Khas	
Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Burung yang kecil itu cantik.	الطَائِرُ الصَّغِيرُ جَمِيلٌ.

## Analisis Kesalahan Terjemahan Pelajar

Jadual 1: Kesalahan frasa adjektif

<b>Sampel Ayat bahasa Melayu:</b>	<b>Salah</b>	تِلْكَ السَّيَّارَةُ كَبِيرَةٌ
<i>Itu kereta yang besar</i>	<b>Betul</b>	تِلْكَ سَيَّارَةٌ كَبِيرَةٌ

Berdasarkan jadual 1 di atas boleh dilihat pelajar sangat keliru dengan ayat bahasa Melayu sehingga menggunakan struktur ayat yang salah apabila menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab. Ayat *itu kereta yang besar* disalah ertikan dengan ayat *kereta itu besar*.

Jadual 2: Kesalahan frasa adjektif

<b>Sampel Ayat bahasa Melayu:</b>	<b>Salah</b>	بَيْتِي جَمِيلٌ أَمَامَ الْمَسْجِدِ
<i>Rumah saya yang cantik itu di depan masjid</i>	<b>Betul</b>	بَيْتِي الْجَمِيلُ أَمَامَ الْمَسْجِدِ

Berdasarkan jadual 2, pelajar gagal menggunakan prinsip di mana sifat dan perkataan yang disifatkan hendaklah sama berada dalam keadaan kata nama umum atau kata nama khas. Perkataan rumah saya bermaksud rumah itu telah diketahui dan menjadi kata nama khas iaitu *ma'rifah*. Maka sifat juga hendaklah *ma'rifah*.

Jadual 3: Kesalahan frasa adjektif

<b>Sampel Ayat bahasa Melayu:</b>	<b>Salah</b>	الْأَوْلَادُ الصَّغِيرُ يَلْعَبُ فِي السَّاحَةِ
<i>Budak-budak kecil itu bermain di halaman.</i>	<b>Betul</b>	الْأَوْلَادُ الصَّغِيرُونَ يَلْعَبُونَ فِي السَّاحَةِ



Berdasarkan jadual 3 di atas, pelajar didapati keliru dengan perkataan kecil yang pada bahasa Melayu adalah tidak jamak, manakalah budak-budak pula berada dalam keadaan jamak.

Jadual 4: Kesalahan frasa adjektif

<b>Sampel Ayat bahasa Melayu:</b>	<b>Salah</b>	الْقُمَصَانُ جَدِيدَةٌ عَلَى الْمَكْتَبِ
<i>Baju-baju baru itu di atas meja.</i>	<b>Betul</b>	الْقُمَصَانُ الْجَدِيدَةُ عَلَى الْمَكْتَبِ

Berdasarkan jadual 4 di atas iaitu pada soalan yang sama, ada pelajar yang keliru kerana perkataan ‘baru’ itu tidak mempunyai ‘yang’ pada bahasa Melayu. Ayat dalam bahasa Melayu sebenarnya harus ditambah ‘yang’ supaya pelajar dapat mengesan konteks frasa sifat dalam ayat walaupun ayat Melayu itu tidak akan terlalu sesuai sekiranya ditambah ‘yang’.

Jadual 5: Kesalahan frasa adjektif

<b>Sampel Ayat bahasa Melayu:</b>	<b>Salah</b>	بَابُ الْبَيْتِ الْكَبِيرِ لَوْنُهُ أَحْمَرٌ
<i>Pintu rumah yang besar itu berwarna merah . (yang dimaksudkan disini ialah pintu yang besar).</i>	<b>Betul</b>	بَابُ الْبَيْتِ الْكَبِيرِ لَوْنُهُ أَحْمَرٌ

Berdasarkan jadual 5 di atas, pelajar didapati keliru sama ada rumah itu besar ataupun pintu itu besar pada hakikatnya. Namun pelajar telah diberi gambar rumah dengan pintu yang besar. Perkataan *al-kabiir* itu seharusnya berbaris hadapan sama dengan baris perkataan yang disifatkan iaitu *baabu* walaupun *baabu* tiada *alif lam*. Ini kerana *mudhaf* secara tidak langsung adalah berada dalam keadaan *ma'rifah*.

### Solusi Masalah Penterjemahan

Berdasarkan jadual 1 sebelum ini, pelajar didapati keliru dengan subjek dan prediket ayat. Bagi mengatasi permasalahan ini, pelajar hendaklah terlebih dahulu mengenalpasti subjek dan prediket dalam ayat sebelum menterjemahkannya. Pelajar juga harus ingat perkataan ‘yang’ dalam bahasa Melayu membawa maksud ianya adalah pada bentuk na’at dan bukan prediket. Oleh itu na’at hendaklah sama dengan ma’nut nya iaitu kereta.

Berdasarkan jadual 2 pula, pelajar gagal menggunakan konsep na’at hendaklah sama dengan man’utnya. Dalam hal ini, na’at sama berada dalam keadaan kata nama umum atau kata nama khas. Pelajar juga didapati keliru sama ada baiti itu kata nama umum atau kata nama khas kerana pelajar terbiasa dengan konsep sekiranya perkataan ada alif dan lam maka ianya adalah kata nama khas. Sedangkan terdapat beberapa lagi yang merupakan kata nama khas seperti idhafah, isim ‘alam dan dhomir. Bagi mengatasi permasalahan ini, pelajar mengenalpasti kata nama am dan kata khas dengan tepat sebelum menterjemahkannya khususnya kata nama yang bersandaran dengan na’at.

Berdasarkan jadual 3, pelajar didapati keliru dengan perkataan ‘kecil’ pada bahasa Melayu adalah tidak jamak, manakalah budak-budak pula berada dalam keadaan jamak. Lalu pelajar menggunakan mufrod semasa menterjemahkannya. Pelajar perlu mengambil perhatian bahawa gaya bahasa Melayu dan bahasa Arab tidak selalunya sama walaupun kebanyakannya sama sahaja. Sekiranya perkataan kecil digandakan menjadi kecil-kecil kerana mengikut konsep na’at dan man’ut bahasa Arab, ianya hanya sebagai penegasan dan bukan jamak.

Berdasarkan jadual 4 pula, pelajar keliru kerana perkataan ‘baru’ itu tidak mempunyai ‘yang’ pada bahasa Melayu. Pelajar hendaklah lebih berhati-hati semasa menterjemahkan dan tidak terfokus kepada ‘yang’ sahaja. Walaupun kebanyakan na’at sekiranya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu akan mempunyai perkataan ‘yang’, namun ada juga yang tidak seperti itu. Bahasa Melayu-Arab haruslah diterjemahkan dengan lenggok dan gaya bahasanya yang tersendiri supaya lebih sesuai dan tepat.

Berdasarkan jadual 5, pelajar telah diberi gambar rumah dengan pintu yang besar namun masih salah menterjemahkannya. Mudhof dalam ayat tersebut

adalah berada pada keadaan muftada dan mempunyai baris dhammah. Oleh itu, sifat kepada mudhof juga hendaklah berbaris dhammah. Pelajar mestilah tahu dan sedia maklum bahwa mudhof kepada kata nama khas juga ialah kata nama khas walaupun tiada alif dan lam.

### Perbincangan

Berdasarkan analisis penterjemahan yang dibuat secara umumnya, pengkaji mendapati pelajar akan mengalami beberapa kekeliruan pada topik adjektif ini. Dalam bahasa Melayu, adjektif merupakan kata sifat dan kedudukannya boleh berada di mana saja khususnya sebagai penerang ataupun prediket kepada sesuatu objek. Manakala dalam bahasa Arab, ia hanya bertindak sebagai penerang kepada sesuatu objek tetapi apabila ia bersandar bersama prediket. Bagi mengatasi masalah ini, struktur ayat dalam bahasa Melayu mestilah dibaiki terlebih dahulu dan meletakkan perkataan 'yang' pada ayatnya sekiranya ingin diterjemahkan kepada bahasa Arab yang berfrasa adjektif. Begitu juga dengan bahasa Arab ungkapan yang telah dikenalpasti sebagai naat dan man'ut hendaklah diterjemahkan kepada bahasa Melayu dengan meletakkan perkataan yang sebelum sifat.

Begitu juga dengan perbezaan bentuk pada bilangan dalam bahasa Arab yang perlu berubah bentuk manakala dalam bahasa Melayu sifatnya adalah sama sahaja seperti; buku itu tebal. Sekiranya buku itu dalam keadaan jamak, perkataan tebal itu sama sahaja tiada perubahan. Justeru, para guru hendaklah menegaskan kepada pelajar sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab, bahawa sifat dalam bahasa Melayu walaupun bentuknya tidak jamak, hendaklah melihat kepada perkataan yang disifatkan sama ada jamak atau tidak. Sekiranya jamak, maka sifat dalam bahasa Arab hendaklah dijamakkan.

Begitu juga dengan kata am dan kata nama khas seringkali disalahgunakan apabila bersandar dengan na'at. Sekiranya perkataan yang disifatkan dalam frasa adjektif dalam bahasa melayu adalah kata nama am, maka perkataan itu dan juga adjektifnya itu hendaklah keduanya dijadikan kata nama am iaitu tanpa alif dan lam. Ini kerana ianya adalah termasuk dalam kategori *at-tawaabi'* yang kedua-duanya saling mengikuti satu sama lain pada beberapa aspek. Pelajar mempunyai kekeliruan dalam aspek kata nama am dan kata nama khas di mana

perkataan seperti ‘rumah saya’ iaitu ‘baitii’ apabila ingin diberi sifat, para pelajar akan meletakkan kata nama am iaitu tanpa alif dan lam seperti ‘baitii jadiidun’. Sedangkan rumah saya ialah kata nama khas dan sifatnya perlu ditambahkan alif dan lam menjadi ‘baitii al- jadiidu’.

Kesimpulannya, kajian berkaitan struktur bahasa Arab khususnya analisis kontrastif wajar diberi perhatian dan dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain. Ini kerana tidak banyak kajian sebegini dilakukan sedangkan ianya boleh banyak membantu para pendidik bahasa Arab. Kajian juga hendaklah meliputi perkara asas lain bahasa Arab yang penting seperti Balaghah dan sebagainya yang tidak diberi perhatian yang cukup sedangkan para pelajar berada di dalam kesulitan mempelajarinya akibat perbezaan di antara kedua bahasa ini.

### Rujukan

- Ab. Halim Mohamed & Che Radiah Mezah. Kolokasi: Aspek Penting Dalam Penguasaan Bahasa Arab. Dlm. *Isu Semasa dalam Pendidikan Tinggi*. Jil 5(monograf). Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Putra Malaysia. 2007.
- Abdullah, I., & Abdullah, I. H. Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu, 2018.
- Analisis Kajian Dari Sudut Perubahan Morfologi (Arabic Loanwords in Malay Language: Analytical Study of Morphological Changes). *e-Bangi*, 15(3).
- Azhar Muhammad. Beberapa aspek keunikan dan keistimewaan bahasa. 2005.
- Arab sebagai bahasa Al-Quran. *Sains Humanika* 42, no. 1, 2004.
- Ashaari, S. A. Kata adjektif Bahasa Melayu-Arab: satu analisis kontrastif/Siti Aishah binti Ashaari (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Harding & Riley. Harding, E. & Riley, P.. The bilingual family. Cambridge University Press. 1986.
- Mustafa al-Ghalayin. Jami ut al-durus al-Arabiyah. Juzu’ satu. Libya: t.pt. 1973.